

**Boo nafi letak jawatan, protes agihan kerusi  
MalaysiaKini.com  
April 9, 2013**

Pengerusi DAP Johor Dr Boo Cheng Hau menafikan bahawa beliau meletak jawatan berkenaan sebagai bantahan ke atas dakwaan campur tangan setiausaha agung parti Lim Guan Eng berhubung agihan kerusi calon mereka di negeri itu.

Beliau bagaimanapun menyeru pemimpin parti supaya menghormati syor yang dibuat berhubung senarai calon berkenaan.

Dalam kenyataannya hari ini, Boo berkata beliau tidak berniat untuk meletak jawatan dan akan menyertai penasihat DAP Lim Kit Siang untuk merampas kerusi parlimen Gelang Patah dalam pilihan raya akan datang.

Boo merupakan ADUN Skudai, salah satu kerusi dalam kawasan parlimen yang akan ditandingi Kit Siang.

Dalam satu sidang media di Skudai hari ini, Boo turut menegaskan bahawa beliau tidak pernah meragui Guan Eng.

Namun, umum mengetahui bahawa Boo tidak sehaluan dengan Guan Eng dan pernah menggelar anak Kit Siang itu sebagai "penentang".

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd  
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/226250>